

11 AUG 2001

Samsudin-Majlis

PRESTASI MAJLIS BERSAMA JABATAN BERTAMBAH BAIK, KATA KSN

PADANG BESAR, 11 Ogos (Bernama) -- Prestasi Majlis Bersama Jabatan (MBJ) yang diwujudkan di peringkat kementerian, jabatan dan agensi kerajaan bertambah baik selepas arahan Perdana Menteri untuk melihat sendiri laporan pelaksanaannya, kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman hari ini.

Menurutnya, beliau telah mengemukakan laporan pertama MBJ kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini manakala laporan kedua akan menyusul tidak lama lagi.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan program perjalanan kemerdekaan 2001 di sini hari ini, Samsudin berharap setiap MBJ dapat mengemukakan laporan hasil dialog dan perbincangan mereka setiap tiga atau empat bulan sekali.

Setiap laporan perlu dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebelum beliau menyerahkannya kepada Perdana Menteri, katanya.

Pada 1 Mei lalu, Dr Mahathir mengarahkan Ketua Setiausaha Negara menyerahkan laporan mengenai MBJ bagi mengetahui sama ada jabatan dan agensi kerajaan dapat mengatasi masalah berbangkit.

Sebelum ini, Cuepacs mendakwa hampir 50 peratus jabatan kerajaan belum menubuhkan MBJ dan i amenyukarkan penyelesaian sesuatu masalah.

Dilaporkan hanya kira-kira 1,000 MBJ diwujudkan daripada sebanyak 2,000 yang sepatutnya diwujudkan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2/1992.

Samsudin berkata setiap jabatan dan agensi kerajaan sepatutnya membentuk MBJ sebagai badan pengantara bagi menyelesaikan sesuatu masalah terutama yang dihadapi oleh kakitangan sokongan.

Ditanya sama ada wujud ketua-ketua jabatan enggan membentuk MBJ kerana bimbang menjadi sasaran kritikan kakitangan bawahan, beliau berkata apa yang sebenarnya berlaku mungkin disebabkan kesibukan tugas mereka.

Bagaimanapun, beliau tetap berharap setiap jabatan dan agensi mewujudkan MBJ kerana melaluinya mereka dapat mengetahui masalah yang berlaku dan mengatasinya dengan berkesan.

-- BERNAMA

AD RON